

Headline	STPTS, KPDNKK jalankan pemeriksaan terhadap enam premis di Sandakan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	31 Mar 2017	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	6	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	355 cm ²
Journalist	ALIZA ALAWI	AdValue	RM 705
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,115



STPTS, KPDNKK jalankan pemeriksaan terhadap enam premis di Sandakan

OLEH ALIZA ALAWI

SANDAKAN: Suruhanjaya Tenaga Pantai Timur Sabah (STPTS) telah menjalankan operasi terhadap enam premis di sekitar bandar Sandakan yang turut disertai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Sandakan pada Khamis.


Operasi itu disertai enam pegawai daripada Suruhanjaya Tenaga serta tiga pegawai daripada KPDNKK Sandakan dan operasi bermula pada kira-kira jam 9 pagi dan berakhir pada kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Pemeriksaan yang dijalankan itu bagi mengenalpasti kelengkapan elektrik adapter/pengecas yang dipamerkan untuk dijual di premis Mematuhi Peraturan 97, Peraturan-peraturan Elektrik 1994 iaitu memastikan barangan yang dipamerkan untuk dijual mempunyai kelulusan Certificate of Approval (COA) daripada pihak Suruhanjaya Tenaga dan mengikut Peraturan 98, Peraturan-peraturan Elektrik 1994 iaitu memastikan barangan yang dipamerkan untuk dijual mempunyai label SIRIM/ST atau SIRIM/EIU.

Menurut, Pengarah Kawasan STPTS, Mohd Yusrul Yusof, kelengkapan elektrik adapter / pengecas yang dipamerkan untuk dijual di 6 premis terlibat didapati tidak mematuhi Peraturan 97 dan Peraturan 98, Peraturan-peraturan Elektrik 1994 dan telah dirampas oleh pihak Suruhanjaya Tenaga Pantai Timur Sabah.

Daripada operasi nilai rampasan kira-kira RM4,000.

"Operasi ini dilaksanakan bagi memastikan kepentingan keselamatan pengguna daripada membeli kelengkapan yang tiada label sticker SIRIM/ST atau SIRIM/EIU," katanya ketika ditemui media sejourus selepas pemeriksaan terhadap



PERIKSA... Pemeriksaan yang dilakukan oleh pegawai STPTS dan KPDNKK di salah sebuah premis sekitar bandar daerah ini.

dua buah premis pada awal operasi.

Tambah beliau hasil operasi terhadap dua premis berkenaan, didapati mematuhi peraturan-peraturan itu dan ia menunjukkan pemilik premis berkenaan mempunyai kesedaran pentingnya label Sirim.

"Kami dapati pemilik di dua premis ini mempunyai kesedaran tentang pentingnya label Sirim ke atas barangan elektronik yang mereka jual.. ia satu perkembangan yang baik dan berharap dapat dicontohi oleh mereka (peniaga) lain di luar sana," katanya

Jelasnya, pihak Suruhanjaya Tenaga mengawal 34 kategori kelengkapan elektrik di bawah Peraturan 97 dan Peraturan 98, Peraturan-peraturan Elektrik 1994.

Justeru itu, pemilik premis yang menjual barangan kelengkapan elektrik yang dikawal oleh pihak Suruhanjaya Tenaga hendaklah memastikan barangan yang dipamerkan untuk dijual perlu mematuhi Peraturan 97 dan peraturan 98, Perat-

uran-peraturan Elektrik 1994 bagi memastikan kelengkapan elektrik yang dijual telah diuji selamat untuk digunakan oleh pengguna.

Ujar beliau, jika kelengkapan elektrik yang dijual tiada label sirim bererti barangan tersebut diseludup ataupun menggunakan cara lain untuk menembusi pasaran di Malaysia.

"Barangan ini sebelum masuk Malaysia dia perlu pelepasan daripada Kastam.. sebelum itu Kastam perlukan dokumen COA yang mendapat kelulusan daripada ST kemudian pihak pengimport perlu melalui ujian consignment daripada pihak Sirim sebelum dijual kepada pengguna.. kalau tiada label sirim beerti barang itu diseludup atau ada cara lain untuk tembus ke pasaran," katanya.

Oleh itu, sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, orang ramai boleh merujuk laman web Suruhanjaya Tenaga, www.st.gov.my atau menghubungi terus